

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9

Malaysia bawa masuk 10,000 pekerja Sri Lanka

Malaysia bawa masuk 10,000 pekerja Sri Lanka

Keputusan dibuat dengan mengambil kira keadaan negara itu yang dilanda krisis ekonomi

Oleh FARAH SHAZWANI ALI
SHAH ALAM

Kerajaan bersetuju bagi pengambilan 10,000 pekerja warga asing dari Sri Lanka dengan mengambil kira keadaan negara tersebut yang dilanda krisis ekonomi.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan berkata, keputusan itu di-

buat oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 September lalu.

Menurutnya, kerajaan Sri Lanka sebelum ini telah mengemukakan permohonan rasmi untuk membekalkan tenaga kerja dan memohon kuota sebanyak 10,000 pekerja sebagai salah satu usaha untuk membantu negara berkenaan yang sedang berdepan krisis ekonomi terburuk.

“Saya menggesa pihak industri dan majikan untuk memberi sokongan kepada niat murni kerajaan ini dengan menggajikan pekerja warga asing dari Sri Lanka bagi mengisi kekosongan pekerjaan dalam sektor yang dibenarkan,



M SARAVANAN

untuk pengambilan pekerja warga asing.

“Mana-mana majikan yang telah diberi kelulusan kuota dan telah menyelesaikan bayaran levi boleh meribut peluang ini. Sehingga 14 September 2022, bayaran levi telah dibuat bagi 416,634 permohonan pekerja warga asing,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Jelas Saravanan, bagi mana-mana majikan yang berminat, mereka boleh terus menghubungi Bahagian Pengurusan Pekerja Migran KSM (oscksm@mohr.gov.my) atau Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (jtksm@mohr.gov.my) untuk maklumat lanjut.